



Maybank
Islamic



Maybank

Maybank2u dan MAE – Terma & Syarat Kempen Zakat Akhir Tahun 2025

Maybank2u dan MAE – Kempen Zakat Akhir Tahun 2025 (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142 (3813-K) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran 200701029411 (787435-M)) (dikenali sebagai “**Maybank**” secara kolektif) bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 1.0 di bawah) dengan ini bersetuju dengan nyata untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

1.0 Kelayakan

- a) Kempen ini terbuka kepada individu yang mempunyai akaun berdaftar Maybank2u (“M2U”) aktif atau pengguna aplikasi Maybank Anytime Everywhere (“aplikasi MAE”), yang dikenal pasti melalui nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC). Semua transaksi mesti dilakukan melalui aplikasi MAE atau www.maybank2u.com (“laman web Maybank2u”) (“**Platform Layak**”).
- b) Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Bagi individu yang berumur kurang daripada lapan belas (18) tahun (“**Individu bawah umur**”), mereka mesti memperoleh persetujuan daripada ibu dan/atau bapa dan/atau penjaga sah mereka untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE dan akaun MAE merupakan perakuan kepada Maybank bahawa Individu bawah umur itu telah memperoleh persetujuan terdahulu daripada ibu dan/atau bapa dan/atau penjaga sah beliau. Terma dan Syarat ini akan terpakai untuk, dan mengikat, ibu dan/atau bapa dan/atau penjaga sah Individu bawah umur sebagai pengganti pemakaian Terma dan Syarat ini untuk individu bawah umur.
- c) Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas disebut sebagai “**Pelanggan Yang Layak**”.

2.0 Mekanisme dan Syarat Kempen

- a) Kempen ini akan bermula pada **15 Disember 2025, pada pukul 00:00:00 pagi (Waktu Malaysia) dan tamat pada 19 Mac 2026, pada pukul 11:59:59 malam (Waktu Malaysia)** [termasuk kedua-dua tarikh tersebut] (“**Tempoh Kempen**”).



Maybank
Islamic



Maybank

- b) Tempoh Kempen ini dibahagikan kepada 4 bulan seperti Tarikh dan Jenis Zakat berikut:

Bulan Kempen	Tarikh	Jenis Zakat
Disember 2025	15 Disember 2025 – 31 Disember 2025	Zakat Pendapatan
Januari 2026	1 Januari 2026 – 31 Januari 2026	Zakat Simpanan dan Pelaburan
Februari 2026	17 Februari 2026 – 28 Februari 2026	Zakat Fitrah
Mac 2026	1 Mac 2026 – 19 Mac 2026	

- c) Pelanggan Yang Layak mesti membuat satu Transaksi Zakat Pendapatan, Zakat Simpanan dan Zakat Fitrah ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) atau Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) melalui laman web Maybank2u atau aplikasi MAE, Pelanggan Yang layak berpeluang untuk memenangi emas bernilai RM1,000 di akaun *Maybank Islamic Gold Account-i* (“MIGA-i”).
- d) MIGA-i ialah akaun pelaburan emas patuh syariah Maybank yang membolehkan anda melabur emas digital dengan ketulenan 999.9 tanpa perlu memegang emas fizikal dan bimbang tentang keselamatannya.
- e) **Transaksi Yang Layak** bermaksud pembayaran zakat pendapatan, zakat simpanan dan pelaburan dan zakat fitrah yang berjaya dilakukan melalui laman web Maybank2u atau aplikasi MAE oleh Pelanggan Yang Layak dalam Tempoh Kempen, dan bayaran hendaklah dibuat daripada Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan Maybank dan/atau Akaun Pelaburan Mudarabah. (“**Transaksi Yang Layak**”). Sebarang bayaran masa hadapan/awal yang berlaku selepas Tempoh Kempen tidak akan diambil kira untuk berpeluang memenangi emas bernilai RM1,000 di akaun MIGA-i.

3.0 Hadiah Kempen

- a) Hadiah Kempen Zakat Akhir Tahun 2025 (“Hadiah”) ditetapkan dalam jadual di bawah.

Mekanisme Kempen	Hadiah
Pelanggan Yang Layak yang telah membuat Transaksi Yang Layak dari 15 Disember 2025 hingga 19 March 2026	MAIWP – 10 Pemenang x RM1,000 MIGA-i MUIS – 10 Pemenang x RM1,000 MIGA-i



Maybank
Islamic



Maybank

- b) Seramai 20 pemenang akan dipilih sepanjang tempoh kempen, terdiri daripada 10 pemenang dari MAIWP dan 10 pemenang dari MUIS. Semua pemenang akan dipilih secara rawak.
- c) Maybank berhak untuk mengubah atau membatalkan terma pada bila-bila masa, dengan/atau mengubah suai mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari.

4.0 Pemenuhan Hadiah

- a) Pelanggan yang layak mesti mempunyai akaun MIGA-i yang aktif untuk melayakkan diri sebagai pemenang.
- b) Pemenang akan dipilih secara rawak berdasarkan Transaksi yang Layak yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen dan dimaklumkan melalui *push notification* dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tamat Tempoh Kempen.
- c) Pemenang akan dipilih secara rawak menggunakan *randomizer* untuk memastikan pemilihan pemenang adalah adil, tidak berat sebelah dan dilakukan tanpa sebarang bias dengan menjana keputusan secara rawak daripada semua pelanggan yang layak
- d) Pemenang akan dimaklumkan melalui *push notification* di aplikai MAE, alamat e-mel yang berdaftar dengan Maybank, dan/atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- e) Hadiah RM1,000 akan dikreditkan terus ke dalam akaun MIGA-i pemenang dan tidak akan diberikan dalam bentuk tunai.
- f) Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada individu lain dan tidak boleh ditukarkan kepada wang tunai, kecuali jika pemenang memilih untuk melikuidasi atau mengeluarkan amaun tersebut selepas ia dikreditkan.
- g) Maybank berhak menukarkan hadiah kepada hadiah lain yang bernilai setara mengikut budi bicara Maybank dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari.

5.0 Terma & Syarat Umum

- a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia



Maybank
Islamic



Maybank

dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

- b) Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank, yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Penyata Privasi Maybank") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i) tujuan Kempen; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk



Maybank
Islamic



Maybank

bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- e) Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan Yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.
- f) Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya yang di luar kawalan munasabah oleh Maybank.
- g) Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- h) Terma dan syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternative untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.